



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 7 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/3/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 1 | UNFPA, UNU-IIGH STRENGTHEN MALAYSIA'S RESPONSE TO GENDER-BASED VIOLENCE | | POSITIF |
| | https://www.sinardaily.my/article/226043/focus/national/unfpa-unu-iigh-strengthen-malaysias-response-to-gender-based-violence | SINARDAILY.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------------|----------------|
| 2 | KEMAS TUNTUT INSURANS UNTUK MURIDNYA YANG MAUT DIDERA PENGASUH | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kemas-tuntut-insurans-untuk-muridnya-yang-maut-didera-pengasuh | BERITA.RTM.GOV.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------|----------------|
| 3 | PROGRAM EMPOWERHER DIGITAL PERKASA WANITA B40 | | POSITIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/03/06/program-empowerher-digital-perkasa-wanita-b40/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/videos/bisnes-x7ko7h/edagang-wanita-b40-masih-hadapi-cabaran-perlu-sokongan-berterusan-x9fnq1e | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2399539 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 4 | TABAH JAGA ANAK ISTIMEWA | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193793/tabah-jaga-anak-istimewa | HMETRO.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

7/3/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------|----------|
| 5 | TELUK KEMANG BANJIR, 11 KEDIAMAN DINAIKI AIR | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/03/06/teluk-kemang-banjir-11-kediaman-dinaiki-air/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/11-rumah-di-teluk-kemang-terjejas-banjir-satu-pps-dibuka-511356 | ASTROAWANI.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------------|----------|
| 6 | BANJIR MELAKA, KEBAJIKAN PENDUDUK TERJEJAS DI PPS TERJAMIN - EXCO | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-melaka-kebaikan-penduduk-terjejas-di-pps-terjamin-exco | BERITA.RTM.GOV.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------|
| 7 | SUEE LIM KERAH PASUKAN, PIHAK BERKUASA BANTU MANGSA RIBUT | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2025/03/suee-lim-kerah-pasukan-pihak-berkuasa-bantu-mangsa-ribut/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/sekinchan-storm-hawker-suffers-rm120k-loss-residents-recount-terror-LC13770759 | THESUN.MY | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/03/06/lapan-rumah-di-sekinchan-musnah-dipukul-ribut-pagi-tadi/ | TVSARAAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------|
| 8 | PILU TERIMA BAJU MELAYU SEHARI SELEPAS SUAMI MAUT NAHAS | | NEUTRAL |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/pilu-terima-baju-melayu-sehari-selepas-suami-maut-nahas/ | UTUSAN.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/3/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------------|----------|
| 9 | WANITA KESAL DIPECAT HANYA KERANA SOLAT CECAH 20 MINIT DI PEJABAT, SURAT AMARAN PUN TAK BERI! | | NEUTRAL |
| | https://www.malaysiadateline.com/wanita-kesal-dipecat-hanya-kerana-solat-cecah-20-minit-di-pejabat-surat-amaran-pun-tak-beri/#google_vignette | MALAYSIADATELINE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------------|----------|
| 10 | ROGOL CUCU HINGGA HAMIL, DATUK DURJANA DIPENJARA 32 TAHUN | | NEGATIF |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/06/rogol-cucu-hingga-hamil-datuk-durjana-dipenjara-32-tahun | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/06/58-year-old-kapit-man-gets-32-years-in-jail-for-raping-granddaughter | THESTAR.COM.MY | |
| | https://dayakdaily.com/grandfather-sentenced-to-32-years-for-incest-rape/ | DAYAKDAILY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------|----------|
| 11 | LELAKI TIDAK MENGAKU SALAH CABUL BEKAS RAKAN SEKERJA | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193949/lelaki-tidak-mengaku-salah-cabul-bekas-rakan-sekerja | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1369228/bapa-dua-anak-didakwa-cabul-rakan-sekerja | BHARIAN.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



UNFPA, UNU-IIGH strengthen Malaysia's response to gender-based violence

The report delved into the experiences of GBV survivors navigating OSCCs, examining both structural and societal barriers, while calling for policy changes to better support survivors.



By WAN AHMAD ATARMIZI
06 Mar 2025 03:29pm

Follow



OSCCs have long played a vital role in supporting survivors of GBV, yet significant gaps remain in service delivery.

PUTRAJAYA – Malaysia's One-Stop Crisis Centres (OSCCs) have long been a key support system for survivors of gender-based violence (GBV), but significant gaps remain in their service delivery.

A new report titled *Portraits: Journeys of Gender-Based Violence Survivors* across Malaysia's One-Stop Crisis Centres, jointly released by the United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia and the United Nations International Institute for Global Health (UNU-IIGH), sheds light on these challenges and offers key recommendations for reform.

The report delved into the experiences of GBV survivors navigating OSCCs, examining both structural and societal barriers, while calling for policy changes to better support survivors.

The event was held earlier today at the Pulse Grande Hotel in Putrajaya.

UNFPA Country Representative for Malaysia, Dr Julitta Onabanjo commended the OSCC model but stressed the need for continued improvements.

"By focusing on survivors' experience, the findings and recommendations of this report provide an important reference for enhancing OSCCs. We recognise the challenges of coordinating a multi-sectoral response to gender-based violence and acknowledge the tireless work of the Health Ministry to ensure a survivor-centred approach through these centres.

"We look forward to working with all parties to strengthen our response and end gender-based violence once and for all," she said.

In her keynote address, Puchong Member of Parliament (MP) and Parliament Special Select Committee for Women, Children and Community Development chairperson, Yeo Bee Yin spoke about the devastating impact of gender-based violence.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KEMAS tuntutan insurans untuk muridnya yang maut didera pengasuh

Nasional - Dicipta: 06 Mac 2025 08:12 AM - Kemas kini: 06 Mac 2025 08:12 AM



Murid Tabika KEMAS PPR Pekan Kepong 2, Muhammad Shakir Firman Mohammad Firdaus dilaporkan maut akibat didera pengasuh

KUALA LUMPUR, 6 Mac- KEMAS memaklumkan bahawa tindakan segera telah diambil bagi menuntut perlindungan insurans yang dicarum untuk Allahyarham adik Muhammad Shakir Firman Mohammad Firdaus, murid Tabika KEMAS PPR Pekan Kepong 2 yang dilaporkan meninggal akibat didera pengasuhnya, Isnin lalu.

Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohd Hanafiah Man, berkata pihaknya sedang giat menguruskan proses tuntutan insurans bagi memastikan keluarga Allahyarham menerima manfaat sewajarnya.

"Walaupun apa jua jumlah perlindungan insurans yang diperolehi kelak, ia tidak akan mampu menggantikan kehilangan insan tersayang. Namun, ini sebahagian daripada usaha kami bagi meringankan beban keluarga," ujar beliau.

Beliau turut menyampaikan salam takziah daripada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, kepada ibu mangsa, Nor Shakinah.

KEMAS menegaskan komitmen mereka untuk bukan sahaja menjaga kebajikan murid tabika, tetapi juga memastikan setiap anak didik mendapat perlindungan yang sewajarnya melalui caruman insurans yang disediakan.

Usaha itu selaras dengan aspirasi KEMAS untuk memasyarakatkan pendidikan awal kanak-kanak dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan mereka sentiasa menjadi keutamaan.

Terdahulu, media melaporkan seorang kanak-kanak berusia 6 tahun maut dipercayai didera.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pada hari kejadian, mangsa dibawa ke hospital dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh pengasuh wanita.

Beliau berkata, hasil bedah siasat menemukan kira-kira 20 kecederaan pada kepala, badan, tangan dan kaki dipercayai akibat hentakan benda tumpul.

Susulan itu, pengasuh dan suaminya berusia 25 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

Maklumat awal mendapati ibu bapa mangsa telah bercerai dan mangsa dijaga oleh pengasuh wanita terbabit sejak dua bulan lalu dengan bayaran kira-kira RM800.

Mangsa tinggal dengan pasangan terbabit selepas dihantar sebulan sekali oleh ibunya berusia 27 tahun kerana bekerja syif sebagai pegawai pemasaran.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program EmpowerHER Digital perkasa wanita B40

Oleh KOSMO! 6 Mac 2025, 3:45 pm



Anuar Fariz (dua dari kiri, duduk depan) pada majlis pelancaran Program EmpowerHER Digital di Kuala Lumpur.

PETALING JAYA – Kementerian Digital yang dipacu oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Digital Nasional Berhad (DNB) dan SMECorp Malaysia telah bekerjasama melancarkan Program EmpowerHER Digital bertujuan untuk memperkasa wanita B40.

Melalui program tersebut ia akan dapat membantu wanita daripada kumpulan tersebut mendapat akses kepada kemahiran digital dan pasaran untuk menjana pendapatan dan membina perniagaan yang mampan dalam ekonomi digital.

Sebagai sebahagian daripada usaha merapatkan jurang digital, program ini menawarkan bengkel interaktif, sesi perkongsian industri, dan pameran mini yang memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari strategi perniagaan digital, penjenamaan atas talian, serta pembiayaan dan akses pasaran.

Antara rakan industri utama yang terlibat termasuklah Shopee, TikTok, CGC Digital, dan Pixlr.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Anuar Fariz Fadzil, berkata, EmpowerHER Digital bukan sekadar latihan, tetapi satu gerakan untuk membina ekosistem sokongan yang mampan.

Menurut beliau, program ini membekalkan wanita B40 dengan kemahiran digital, akses pasaran, dan bimbingan mentor agar mereka dapat membina perniagaan yang berdaya saing.

“Sebagai pemudah cara ekonomi digital negara, MDEC memastikan wanita bukan sekadar pengguna teknologi, tetapi juga penggerak inovasi dalam ekonomi digital,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Pelancaran EmpowerHER Digital 2025 mencerminkan komitmen kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta dalam memperkasakan wanita dalam ekosistem digital.

Dengan lebih banyak peluang dalam keusahawanan digital, program ini bukan sahaja membantu meningkatkan daya saing wanita B40, tetapi juga menyumbang kepada kestabilan ekonomi diri, keluarga, dan komuniti secara keseluruhan. –KOSMO!ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tabah jaga anak istimewa

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my



FATIHAH menjaga dan memberi sepenuh perhatian kepada anak sulungnya, Putri Airin yang disahkan menghidap penyakit saraf. FOTO Hazira Ahmad Zaidi

Kuala Krai: Meskipun dikurniakan anak tidak seperti remaja normal seusia dengannya, namun ibu ini tetap tabah memegang amanah untuk menjaga anak istimewanya, Putri Airin Amani Azwadi, 17, yang menghidap penyakit saraf bagai menatang minyak yang penuh.

Bagi Siti Fatimah Ab Ghani, 35, dan suaminya, Azwadi Mamat, 37, ia adalah ketetapan dan anugerah terindah daripada Allah SWT yang mengurniakan seorang anak Orang Kurang Upaya (OKU) kepada mereka.

Siti Fatimah berkata, anak sulung daripada tiga beradik itu dilahirkan normal, namun ketika berusia tujuh bulan, Putri Airin Amani mengalami demam panas dan diserang sawan sehingga tidak sedarkan diri sebelum disahkan menghidap penyakit saraf.

"Putri Airin Amani ketika ini juga tidak boleh bercakap dan hanya menggunakan bahasa badan atau merengek seperti kanak-kanak jika mahukan sesuatu.

"Putri Airin Amani adalah anugerah Allah yang tidak ternilai. Apa pun yang terjadi, saya dan suami akan menjaganya dengan sebaiknya dan berharap dia dapat membawa kami ke syurga satu hari nanti," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Ulu Geh, Telekong.

Menurut Siti Fatimah, bagi menampung perbelanjaan anak sulungnya itu, setiap bulan dia perlu menyediakan sekurang-kurangnya RM700 untuk membeli lampin pakai buang dan juga keperluan lain.

"Saya menggunakan wang yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan yang sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung.

"Suami saya hanya bekerja kampung dengan pendapatan yang tidak menentu dan pada masa sama saya juga tidak boleh keluar bekerja kerana perlu memberi sepenuh perhatian kepada Putri Airin Amani," katanya.

Katanya, mereka sekeluarga menumpang di rumah ibu mentua, Noriah Setapa, 74, yang juga pada masa sama rumah yang dihuni itu terlalu daif selain dimakan anai-anai.

"Setiap kali hujan, kami sekeluarga terpaksa duduk berhimpit kerana rumah memang banyak bocor dan anak-anak kesejukan.

"Saya mempunyai tanah, namun tidak mampu membina kediaman yang lebih selesa memandangkan hidup kami sekeluarga hanya cukup makan sahaja untuk meneruskan kelangsungan hidup," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya ke akaun Agro Bank bernombor 2-00-6701-00020832-0 atas nama Siti Fatimah Ab Ghani atau boleh menghubunginya di talian 019-9434294.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Teluk Kemang banjir, 11 kediaman dinaiki air

Oleh NOR AINNA HAMZAH 6 Mac 2025, 10:03 am



APM memindahkan seorang mangsa banjir di Kampung Si Rusa iaitu warga emas wanita berusia 70an ke PPS Kampung Sawah Sunggala, di sini, pagi tadi. -Foto APM

PORT DICKSON – Sekurang-kurangnya 11 kediaman di Teluk Kemang, di sini, terjejas banjir kira-kira pukul 7.15 pagi tadi susulan hujan lebat.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Port Dickson, Kapten (PA) Mohd. Azri Abu Hassan berkata, kesemua mangsa telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kampung Sawah Sunggala.

Menurutnya, pihaknya bersama pelbagai agensi di bawah Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah telah memantau kawasan hot spot banjir tersebut dan cuaca masih lagi dalam keadaan hujan renyai-renyai.

“Hasil tinjauan yang dibuat mendapati terdapat beberapa buah rumah yang dinaiki air. Dipercayai punca adalah disebabkan hujan lebat dan saluran longkang tersumbat.

“Untuk makluman, kami turut memindahkan seorang mangsa banjir iaitu warga emas wanita berusia 70an ke PPS bagi tujuan keselamatan. Buat masa ini, data mangsa banjir masih sedang dikumpulkan dan operasi masih berjalan,” katanya.

Difahamkan Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Pinang turut terjejas banjir. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir Melaka, kebajikan penduduk terjejas di PPS terjamin – Exco

Nasional – Dicipta: 06 Mac 2025 10:48 PM – Kemas kini: 06 Mac 2025 10:48 PM



Exco negeri, Datuk Rais Yasin (kiri) menyantuni mangsa banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) ketika mengadakan lawatan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dang Anum di Merlimau hari ini/BERNAMA

MERLIMAU, 6 Mac- Kerajaan Melaka memberi jaminan kebajikan penduduk terjejas banjir yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dalam bulan Ramadan ini, terjamin.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata segala keperluan termasuk juadah berbuka puasa dan sahur disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata kerajaan negeri sentiasa cakna dengan kebajikan mereka yang terjejas khasnya pada bulan Ramadan ini.

"Jadi, kita memang sentiasa peka tetapi kita juga perlu bantuan daripada masyarakat supaya bagi kerjasama. Jangan takut berpindah ke PPS. Ia adalah lebih baik jika berada di sini.

Kita akan jaga seluruh kebajikan, termasuk semua ADUN turut datang melawat penduduk terjejas. Ini meliputi juadah berbuka, sahur dan sebagainya. Mereka yang tidak berpuasa juga ada kita sediakan merangkumi makanan untuk anak-anak," kata Datuk Rais kepada pemberita, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika turun padang melawat penduduk terjejas banjir di PPS SMK Dang Anum, Merlimau Jasir.

Datuk Rais berkata kerajaan negeri dalam proses menyelesaikan masalah banjir di Melaka melalui projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di sekitar negeri itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suee Lim kerah pasukan, pihak berkuasa bantu mangsa ribut



BUMBUNG salah sebuah rumah musnah akibat ditiup kepala angin yang melanda Jalan Ban Lesen Parit 4, Sungai Burong, di Kuala Selangor, Selangor, pagi tadi.

Oleh MOHAMAD ATHIR BIN ISMAIL 6 Mac 2025, 3:49 pm

SHAH ALAM: Ribut dan puting beliung yang melanda di Kampung Parit 4 pada pagi tadi didakwa bukan berada di Sekinchan sebaliknya di bawah Parlimen Tanjong Karang atau Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Burong.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan, Datuk Ng Suee Lim berkata, perkara itu perlu dijelaskan supaya pihak berkuasa yang berkaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor boleh menghulurkan bantuan sewajarnya.

Menurutnya, kejadian tersebut berlaku kira-kira pukul 7.30 pagi dan melanda selama 15 minit sehingga menyebabkan kerosakan 10 buah rumah yang dimiliki oleh pesawah dan petani.

"Bukan di Sekinchan, cuma di sempadan iaitu di Parit 4 di bawah Parlimen Tanjong Karang, DUN Sungai Burong, sebelah Sekinchan. Oleh kerana Sekinchan lebih terkenal, orang ingat itu di Sekinchan. Hakikatnya ialah Sungai Burong.

"Namun, saya gerakkan pasukan dari Penyelaras Parlimen Tanjong Karang dan juga pejabat ADUN Sekinchan melalui ketua komuniti, kita kenal pasti 10 rumah yang terjejas dengan teruk akibat angin kencang dan puting beliung," katanya kepada pemberita, hari ini.

Jelas Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan itu, banyak kerosakan berlaku akibat kejadian tersebut dan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk PDT Kuala Selangor untuk membantu mangsa terjejas.

"Banyak kerosakan berlaku, syukur kerana tidak berlaku kehilangan nyawa dan sebagainya, yang penting kami turun segera dan menghulurkan bantuan kilat kepada mereka yang terjejas dan kita akan koordinasi dengan semua pihak untuk menghulurkan bantuan.

"Mereka mengalami kerugian yang banyak. Yang penting kita bantu tempat di mana, walaupun ia sebelah Sekinchan, kita bantu seluruhnya," ujarnya.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor memaklumkan lapan buah rumah musnah akibat dilanda ribut dan tiupan angin kencang atau 'kepala angin' itu.

Dalam kejadian tersebut, Timbalan Pengarah (Operasi), JBPM Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 7.48 pagi sebelum menggerakkan sepasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sekinchan.

Selain itu, sebuah video memaparkan kejadian puting beliung tular dalam media sosial dengan menunjukkan beberapa buah rumah dan gerai tepi jalan di kawasan berkenaan ranap dipercayai akibat dilanda puting beliung dan hujan lebat.

Video berdurasi 2.11 minit itu menerima lebih 1,000 reaksi, 500 komen dan 800 perkongsian, ia turut memaparkan serpihan binaan dan pelbagai barangan lain berterbangan akibat ditiup angin kencang daripada puting beliung tersebut. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pilu terima baju Melayu sehari selepas suami maut nahas



NOR Hafizah Mohd. Sheriff sebak ketika menunjukkan baju Melayu yang dibeli buat arwah suaminya yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya, kelmarin. UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

Oleh NOR AINNA HAMZAH 6 Mac 2025, 2:39 pm

REMBAU: Seorang isteri pilu selepas menerima bungkusan kiriman baju Melayu yang dibelinya secara dalam talian sehari selepas suaminya maut dalam kemalangan jalan raya kelmarin.

Nor Hafizah Mohd. Sheriff, 40, berkata, dia tidak dapat menahan rasa sedih kerana baju Melayu berwarna ungu itu tidak sempat dipakai arwah suaminya, Shamsul Rizal Ahmad Mustafa, 45, pada Aidilfitri kali ini.

"Baju ini harganya tidak sampai RM30 pun, ini memang ukuran badan arwah. Tahun lepas anak-anak pilih warna hitam, tahun ini warna ungu, arwah suami memang akan ikut sahaja permintaan anak-anak kami namun tahun ini kami tidak dapat lagi menyambut hari raya bersama," katanya ketika ditemui di Desa Rimbunan Kaseh, di sini semalam.

Pagi hari Selasa lalu, Shamsul Rizal maut dalam kemalangan di Jalan Seremban-Tampin berhadapan Balai Bomba dan Penyelamat Rembau, dekat sini.

Nahas membabitkan tiga buah kenderaan iaitu sebuah kereta Perodua Alza dan dua buah motosikal. Mangsa yang menunggang motosikal maut ditempat kejadian selepas merempuh kereta dan motosikal yang membuat pusingan U dari arah bertentangan dan masuk ke laluan mangsa.

Allahyarham yang merupakan penghidap kanser limfoma tahap tiga juga merupakan salah seorang penerima sumbangan di negeri ini menerusi Program Jelajah Ikhlas dengan anjuran bersama syarikat Media Mulia Sdn. Bhd.

Nor Hafizah yang kini mengandungkan anak keenam memberitahu, ketika kejadian arwah suaminya itu dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerja di Senawang bagi menguruskan pendaftaran prasekolah anak bongsu mereka.

"Sudah tidak jauh dari rumah, dalam kemalangan itu, motosikal ditunggang suami remuk teruk. Dia sudah empat tahun menanggung kesakitan penyakit, kini Allah beri dia 'rehat'," katanya yang memberitahu anak-anaknya merupakan penerima bantuan bulanan bantuan kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita kesal dipecat hanya kerana solat cecah 20 minit di pejabat, surat amaran pun tak beri!

Oleh WAN SITI AMINAH | 06/03/2025



Baru-baru ini tular satu perkongsian dari seorang wanita yang mendakwa telah dipecat oleh majikannya dengan serta-merta hanya kerana membuat satu kesalahan yang disifatkannya tidak logik.

Kejadian itu cukup memberi kesan kepada gadis terbabit berikutan belum ada sebarang pengalaman berhadapan dengan situasi sedemikian ekoran dipecat ketika dirinya baru sahaja melangkah ke alam pekerjaan.

Menerusi perkongsian dimuat naik di platform X, wanita itu mendakwa telah dibuang kerja tanpa diberikan surat amaran hanya kerana waktu yang diambilnya untuk mendirikan solat dianggap terlalu lama oleh majikan.

Sedangkan wanita itu merasakan dirinya hanya beribadah di dalam tempoh 20 minit selain berpandangan bahawa alasan diberikan oleh pihak majikan untuk memecatnya seperti tidak logik.

"Salam, saya baru pertama kali bekerja tetapi sudah kena pecat. Sebabnya solat lama sangat. Majikan langsung tak beri sebarang amaran. Terus pecat begitu sahaja. Rasanya saya solat kurang daripada 20 minit setiap waktu.

"Jadi nak tanya Kakak-Kakak semua, adakah tempoh itu dikira lama untuk saya mendirikan solat? Adakah logik untuk saya dipecat sebab alasan ini?," soal gadis terbabit dalam perkongsian tersebut.

Perkongsian yang mengundang perbincangan hangat itu dimuat naik menerusi satu hantaran tular di platform dahulunya dikenali sebagai Twitter tanpa didedahkan identiti sebenarnya.

Dalam perkongsian yang sama, wanita itu juga mengakui tidak pernah melihat rakan sekerjanya sembahyang selain daripada solat Jumaat namun lokasi sebenar tempat kerjanya tidak didedahkan.

Tinjauan di ruangan komen hantaran itu mendapati rata-rata pengguna berkongsi pendapat yang sama bahawa pemberhentian tersebut dilakukan secara tidak adil dan seharusnya dilaporkan kepada pihak bertanggungjawab.

Beberapa individu yang pernah dipecat secara tidak adil juga tampil memberitahu langkah-langkah perlu diambil oleh wanita terbabit sekiranya mahu membawa majikan ke muka pengadilan.

"Boleh rujuk garis panduan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk solat. Anda boleh bawa aduan kepada pihak JTK, beritahu majikan tidak berikan garis panduan mengenai tempoh diberikan untuk solat dan pecat tanpa surat amaran," kata seorang pengguna.

"Saya baru menang kes pemecatan tak adil. Mula-mula pergi lapor di Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP). Selepas itu barulah upah peguam. Kalau tak mampu, ada servis peguam secara percuma tetapi kena tunggu giliran." Kongsi pengguna lain.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rogol cucu hingga hamil, datuk durjana dipenjarakan 32 tahun

© March 6, 2025, Khamis - 2:00pm



KAPIT: Mahkamah Sesyen di Kapit hari ini menjatuhkan hukuman penjara berjumlah 32 tahun ke atas seorang datuk atas tiga pertuduhan merogol cucunya sehingga mengandung.

Tertuduh yang berusia 58 tahun itu dijatuhi hukuman penjara 10 tahun masing-masing bagi pertuduhan pertama dan kedua sementara 12 tahun bagi pertuduhan ketiga, di mana hukuman diarahkan dilaksanakan secara berasingan.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa melakukan sumbang mahram dengan melakukan hubungan seks dengan mangsa di dalam bilik tidur rumah mereka di Song pada April dan Mei 2023, jam lebih kurang 10.30 malam dan 11 malam.

Sementara bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa melakukan kesalahan sama pada bulan Mei 2024, di ruang tamu rumah terbabit kira-kira jam 10 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 16(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan di bawah Seksyen 376B(1) tertuduh hendaklah dihukum penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun serta sebatan.

Seksyen 16(1) pula memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dua kali.

Berdasarkan fakta kes, pada 16 Disember 2024 jam 11 pagi di Klinik Kesihatan Song, pengadu telah menerima pesakit seorang remaja perempuan berumur 16 tahun enam bulan.

Hasil pemeriksaan mendapati remaja terbabit telah mengandung dan kandungan berusia lebih kurang 33 minggu.

Pengadu kemudian membuat laporan di balai polis untuk tindakan selanjutnya.

Bertindak atas aduan pengadu, pihak polis telah menangkap seorang lelaki iaitu tertuduh bagi membantu siasatan.

Hasil siasatan mendapati mangsa ialah cucu kandung tertuduh dan tinggal bersama tertuduh sejak ibu kandung mangsa meninggal dunia.

Tertuduh ialah bapa kandung kepada ibu kandung mangsa dan mendapat hak penjagaan mangsa dengan kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kes didengar di hadapan hakim Musyiri Peet, sementara pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki tidak mengaku salah cabul bekas rakan sekerja

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



HAFIZZAN keluar dari Mahkamah Majistret Batu Pahat selepas dituduh cabul rakan sekerja. FOTO Alias Abd Rani

Batu Pahat: Bapa dua anak dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini, hari ini atas pertuduhan mencabul rakan sekerja wanita di sebuah kilang memproses produk berasaskan kelapa, bulan lalu.

Tertuduh, Mohd Hafizzan Tukemin, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan jurubahasa di hadapan Majistret Arun Noval Dass.

Mengikut pertuduhan, dia yang sudah berhenti kerja didakwa sengaja melakukan kekerasan jenayah dengan niat mencabul kehormatan terhadap mangsa berusia 24 tahun di kilang dalam kawasan Senggarang, jam 10 pagi, 27 Februari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Farah Wahidah Mohd Sharip, manakala tertuduh diwakili peguam Tan Song Yan.

Pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM8,000 serta syarat tambahan sebelum mahkamah membenarkan jaminan RM3,000 dan menetapkan 21 April depan sebagai tarikh sebutan semula.